

BAB 13

PENGURUSAN SUMBER DANA MASJID DI KELANTAN

Mohd Rushdan Yaso'a, Mohd Safwan Ghazali, Mohd Afifie Mohd Alwi, Azira Hanani Ab Rahman, Siti Salwani Abdullah, Ahmad Ridhuwan Abdullah, Mohammad Ismail, Mohd Rafi Yaacob

PENDAHULUAN

Sebilangan masjid di Malaysia tidak menerima dana khusus daripada mana-mana pihak (Jamaliah Said *et al.*, 2014), malah kebanyakan masjid juga tidak mempunyai aktiviti yang boleh menjana pendapatan bagi tujuan menambahkan dana. Justeru itu, bagi menampung perbelanjaan pengurusan serta penganjuran program, pihak pengurusan masjid bergantung kepada dana daripada pelbagai sumber bantuan yang berupa sumbangan atau sedekah, zakat dan wakaf daripada orang perseorangan mahupun syarikat-syarikat korporat serta bantuan dan geran daripada Majlis Agama Islam negeri (Adnan, 2013; Azila *et al.*, 2014).

Kebanyakan masjid di Malaysia kurang menggunakan dana yang didapati secara efektif dan hanya cenderung untuk menyimpan dana tersebut di dalam bank atau institusi kewangan lain bagi mendapatkan pulangan yang minimum. Ini membataskan aktiviti masjid terhadap masyarakat setempat (Azila *et al.*, 2014). Hal ini membuktikan bahawa kebanyakan pengurusan masjid di Malaysia masih belum kreatif dan inovatif dalam menjana pendapatan sendiri bagi tujuan pembangunan dan perkembangan masjid itu sendiri serta komuniti setempat.

Akibatnya, kekurangan dana akan memberi kesan kepada aktiviti terhadap komuniti setempat dan juga pembangunan fizikal masjid itu sendiri (Jamaliah Said *et al.*, 2014). Dalam konteks pembangunan fizikal masjid, kebanyakan masjid akan mengutip derma sama ada daripada jemaah masjid atau daripada sesiapa sahaja yang ingin menderma. Dewasa ini ramai yang